



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 64
No. 7

31hb Mac 2011

*TAMBAHAN No. 7
PERUNDANGAN*

Sel. P.U. 16.

**AKTA BANGUNAN DAN HARTA BERSAMA (PENYENGGARAAN
DAN PENGURUSAN) 2007**

(Akta 663)

**PERINTAH BANGUNAN DAN HARTA BERSAMA (PENYENGGARAAN DAN
PENGURUSAN) (PINDAAN JADUAL PERTAMA) 2011**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 11(5) Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan Dan Pengurusan) 2007 [Akta 663], Pihak Berkuasa Negeri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Akta Bangunan Dan Harta Bersama (Penyenggaraan Dan Pengurusan) (Pindaan Jadual Pertama) 2011**.

(2) Perintah ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh penyiaran Perintah ini di dalam *Warta*.

Pindaan Jadual Pertama

2. Jadual Pertama kepada Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 [Akta 663] adalah dipinda—

(a) dalam perenggan 1—

(i) dalam subperenggan (1), dengan menggantikan perkataan “di mana-mana tempat” dan “bila-bila masa” masing-masing

perkataan “di kemudahan komuniti sedia ada dalam kawasan pemajuan atau di kemudahan komuniti yang paling berdekatan” dan “waktu yang bersesuaian”; dan

- (ii) dengan memasukkan selepas subperenggan 1(2), dengan subperenggan berikut:

“(3) Sekiranya pengerusi enggan memanggil mesyuarat, Pesuruhjaya boleh atas permohonan mana-mana anggota jawatankuasa, mengeluarkan arahan secara bertulis kepada mana-mana anggota Jawatankuasa untuk memanggil dan mempengerusikan mesyuarat itu”.

- (b) dalam perenggan 2—

- (i) dalam subsubperenggan 1(c), dengan memotong perkataan “atau”;
- (ii) dalam subsubperenggan 1(d), dengan menggantikan noktah dengan koma bernoktah; dan
- (iii) dengan memasukkan selepas “subsubperenggan 1(d)” dengan subsubperenggan berikut:

“(e) tidak hadir mesyuarat tiga kali berturut-turut tanpa alasan yang munasabah;

(f) tidak membayar caj tiga bulan berturut-turut; atau

(g) mendapat undi tidak percaya atas rekuisisi bertulis yang dibuat oleh pembeli yang sama-sama berhak ke atas sekurang-kurangnya satu perempat daripada jumlah bilangan petak yang didaftarkan menurut seksyen 12 dan yang tidak mempunyai tunggakan caj penyenggaraan ke atas petak mereka dengan Kumpulan Wang Penyenggaraan Bangunan”; dan

- (iv) dengan menggantikan subperenggan 2(2) dengan subperenggan berikut:

“(2) Jika apa-apa kekosongan berlaku dalam Jawatan Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari, anggota yang ada hendaklah mengadakan mesyuarat agung luar biasa bagi melantik pembeli lain yang berhak mengundi menggantikan jawatan tersebut. Manakala bagi lain-lain jawatan, anggota yang ada hendaklah melantik pembeli lain yang berhak mengundi sehingga mesyuarat agung tahunan”.

- (c) dalam pererenggan 3 dengan menggantikan perkataan “Pengerusi” perkataan “Tertakluk kepada subperenggan 1(3), pengerusi”.

- (d) dalam perenggan 5—

- (i) dengan menggantikan perkataan “hendaklah” perkataan “boleh”; dan
- (ii) dengan memasukkan selepas perkataan “Badan” perkataan “dalam Mesyuarat Agung”.

(e) dengan menggantikan perenggan 6 dengan perenggan berikut:

“6. Sesuatu ketetapan Jawatankuasa dianggap telah diluluskan jika—

- (a) semua anggota jawatankuasa telah dimaklumkan mengenai ketetapan yang dicadangkan itu secara bertulis, atau usaha yang munasabah telah dibuat untuk memaklumkan semua anggota Jawatankuasa mengenai ketetapan yang dicadangkan itu;
- (b) ketetapan bertulis itu ditandatangani oleh persetujuan majoriti Jawatankuasa itu yang menunjukkan persetujuan dengan ketetapan itu;
- (c) jawatankuasa hendaklah dalam masa dua puluh satu hari dari tarikh ketetapan jawatankuasa diluluskan, menyampaikan salinan minit mesyuarat kepada semua ahli badan atau mempamerkan minit mesyuarat itu pada bahagian utama bangunan yang mudah dilihat; dan
- (d) tertakluk kepada cadangan ketetapan oleh jawatankuasa dalam subperenggan (1), perkara berikut perlu mendapat persetujuan Badan di mesyuarat agung sepertimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 11(1) Akta 663:
 - i. pemilihan dan pelantikan ejen/kontraktor/panel insurans;
 - ii. had Perbelanjaan Kumpulan Wang Penyenggaraan Bangunan yang dibenarkan oleh Badan untuk dibelanjakan jawatankuasa tanpa melalui mesyuarat agung;
 - iii. penggunaan kumpulan wang penjelas;
 - iv. membuat dan menguatkuasakan kaedah-kaedah dalaman;
 - v. penetapan kadar elaun jawatankuasa; dan
 - vi. lain-lain perkara yang difikirkan sesuai oleh Pihak Berkuasa Negeri dari semasa ke semasa,

dan sekiranya tiada persetujuan majoriti Jawatankuasa atau mendapat bantahan atas rekuisisi bertulis yang dibuat oleh pembeli yang sama-sama berhak ke atas sekurang-kurangnya satu perempat daripada jumlah bilangan petak yang didaftarkan menurut seksyen 12 dan yang tidak mempunyai tunggakan caj penyenggaraan ke atas petak mereka dengan Kumpulan Wang Penyenggaraan Bangunan dalam tempoh 14 hari daripada tarikh salinan minit disampaikan atau dipamerkan mengikut mana yang bersesuaian, suatu mesyuarat agung tahunan atau mesyuarat agung luar biasa hendaklah diadakan.”.

- (f) dalam subperenggan 7(3) dengan menggantikan perkataan “Tiap-tiap” perkataan “Tertakluk kepada perenggan 6, tiap-tiap”.
- (g) dalam perenggan 8 dengan menggantikan perkataan “tatacaranya” perkataan “tatacara mesyuaratnya”.
- (h) dalam subperenggan 9(2) dengan memasukkan selepas perkataan “bahagian” perkataan “mempengerusikan”.
- (i) dalam perenggan 10 dengan menggantikan subperenggan 10(b) dengan subperenggan berikut:
 - “(b) apa-apa perbuatan, pengabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukannya dengan suci hati atau apa-apa peninggalan yang ditinggalkan daripada dilakukan dengan suci hati, atas sifat itu; atau”.

Bertarikh 8 Mac 2011

[LPHS/UPP28/07 Jld. 8; P.U. Sel. Am/0085/09/AA]

MOHAMAD YASID BIN BIDIN
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Selangor

BUILDING AND COMMON PROPERTY (MAINTENANCE
AND MANAGEMENT) ACT 2007

(Act 663)

BUILDING AND COMMON PROPERTY (MAINTENANCE AND MANAGEMENT)
(AMENDMENT OF FIRST SCHEDULE) ORDER 2011

IN exercise of the power conferred under subsection 11(5) of the Building and Common Property (Maintenance and Management) Act 2007 [Act 663], the State Authority hereby makes the following orders:

Citation and commencement

1. (1) This Order may be cited as the **Building and Common Property (Maintenance and Management) (Amendment of First Schedule) Order 2011**.

(2) This order shall come into force from the date of publication of this order in the *Gazette*.

Amendment of First Schedule

2. The First Schedule to the Building and Common Property (Maintenance and Management) Act 2007 [Act 663] is amended—

(a) in paragraph 1—

- (i) in subparagraph (1), by substituting for the words “at such places” and “times” the words “at the existing community facility in the housing area or at the nearest community facility” and “at the reasonable times” respectively; and
- (ii) by inserting after subparagraph 1(2), the following subparagraph:

“(3) Where the Chairman refuses to call for meeting, Commissioner may upon application by any members of the Committee, issue written order to any Committee members to call and preside the meeting.”.

(b) in paragraph 2—

- (i) in subparagraph 1(c), by deleting the word “or”;
- (ii) in subparagraph 1(d), by substituting a full stop with the semi-colon; and
- (iii) by inserting after subparagraph (1)(d) the following subparagraphs:
 - “(e) absent from attending three consecutive meeting without reasonable excuse;
 - (f) default of payment of charges for three consecutive months; or
 - (g) vote of no confidence upon a requisition in writing made by the purchasers who are entitled to at least one-quarter of the total number of parcels registered pursuant to section 12 and who have no outstanding of maintenance charges of their parcels to the Building Management Fund.”; and
- (iv) by substituting subparagraph 2(2), with the following subparagraph:

“(2) Where there is any vacancy in the post of Chairman, Secretary and Treasurer, the remaining members shall convene an extraordinary general meeting to appoint another members who are entitled to vote to fill the post. For other post, the remaining members shall appoint other purchaser who are entitled to vote until the next annual general meeting.”.

(c) in paragraph 3, by substituting the word “The Chairman” the words “Subject to subparagraph 1(3), the chairman”.

(d) in paragraph 5—

- (i) by substituting the word “shall” the word “may”; and
- (ii) by inserting after the word “Body” the words “in general meeting”;

(e) by substituting paragraph 6 with the following paragraph:

“6. A committee’s resolution is taken to have been passed if—

- (a) all members of the Committee have been informed of the proposed resolution in writing, or reasonable efforts have been made to inform all members of the Committee of the proposed resolution;
- (b) the resolution in writing is signed by majority agreement of the Committee indicating agreement with the resolution;
- (c) the committee shall within twenty one days from the date of committee’s resolutions have been passed, serve to every member of the committee copy of minutes of the meeting or display the same at the conspicuous part of the building; and
- (d) subject to the proposed resolution by the Committee in subparagraph (1), the following matters shall be agreed by the Body in the general meeting as provided under subsection 11(1) Act 663:
 - i. the selection and appointment of agent/contractor/panel of insurance;
 - ii. limitation on expenses in respect of Building Maintenance Fund permitted by the Body without going through general meeting;
 - iii. the use of sinking fund;
 - iv. to make and enforce the house rules;
 - v. determination of allowance rate of the committee; and
 - vi. any other matters as it thinks reasonable by the State Authority from time to time,

and in the absence of such agreement by the agreement of committee’s majority or objection by requisition in writing made by the purchasers who are entitled to at least one-quarter of the total number of parcels registered pursuant to section 12 and who have no outstanding of maintenance charges of their parcels to the Building Management Fund within 14 days from the date copy of minutes of the meeting is served or displayed, whichever is applicable, an annual general meeting or extraordinary general meeting has to be held.”.

- (f) in subparagraph 7(3) by substituting the word “Every” the words “Subject to paragraph 6, every”.
- (g) in paragraph 8 by substituting for the words “own procedure” the words “procedure meeting”.

(h) in subparagraph 9(2) by inserting after the words “take part” the words “to preside”.

(i) in paragraph 10 by substituting for subparagraph 10(b) with the following subparagraph:

“(b) any act, neglect or default done or committed by him in good faith or any omission omitted by him in good faith, in such capacity; or”.

Dated 8 March 2011

[LPHS/UPP28/07 Jld. 8; P.U. Sel. Am/0085/09/AA]

MOHAMAD YASID BIN BIDIN
Secretary
State Executive Council
of Selangor

Sel. P.U. 17.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI SELANGOR) 2003

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 47

MENURUT seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [*En. 1/2003*], Jawatankuasa Fatwa bagi Negeri Selangor, atas perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan menyediakan fatwa yang dinyatakan dalam Jadual dan disiarkan menurut subseksyen 48(6) Enakmen itu.

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM (STATE OF SELANGOR) ENACTMENT 2003

FATWA UNDER SECTION 47

PURSUANT to section 47 of the Administration of the Religion of Islam (State of Selangor) Enactment 2003 [*En. 1/2003*], the *Fatwa* Committee for the State of Selangor, on the direction of His Royal Highness the Sultan prepare the *Fatwa* as set out in the Schedule and is published pursuant to subsection 48(6) of the Enactment.

JADUAL/SCHEDULE

HUKUM AJARAN KUMPULAN NEGARA ISLAM INDONESIA (NII) DI NEGERI SELANGOR

Hukum ajaran kumpulan negara Islam Indonesia (NII) di negeri Selangor adalah **sesat** kerana menyeleweng dari ajaran Islam sebenar. Ini adalah kerana ajaran tersebut mempunyai ciri-ciri seperti berikut:

1. Dari Segi Akidah

(i) Membuat pembahagian tauhid bertentangan dengan akidah Ahli Sunah Wal-Jamaah

Ajaran ini menjadikan suatu simpulan tauhid Rububiyah, Mulkiyyah, Ubudiyyah yang dikatakan pembahagian tauhid yang mempunyai hubungan langsung dalam sistem bernegara berdasarkan kepada surah Al-Fatihah dan surah An-Nas. Kalimah **رب** sebagai *Rububiyah* (pengatur, peraturan, hukum-hukum), **ملك** sebagai *Mulkiyyah* (penguasa, kawasan, dan wilayah) dan **عبد** sebagai *Ubudiyyah* (disembah, penyembah dan umat) yang disebut juga *Uluhiyyah* oleh sesetengah penyampai.

(ii) Mengkafirkan selain pengikut ajaran

Hanya pengikut ajaran ini sahaja yang dianggap beragama Islam dan berpegang kepada akidah ahli sunah wal-jamaah yang sebenar. Manakala orang Islam yang lain adalah tidak sah Islamnya. Sekiranya mereka ingin menjadi Islam yang sah, mereka dikehendaki membayar sejumlah wang yang disebut juga sebagai '*wang taubah*'.

(iii) Memahami Al-Quran mengikut tafsiran sendiri

Ayat-ayat Al-Quran ditafsir secara salah, meragukan dan tidak bersandarkan pada mana-mana pendapat ulama', mengikut logik dan bebas ditakwil mengikut fahaman pemimpin ajaran mereka.

(iv) Berbai'ah dan taksab kepada ketua

Dalam mempelajari dan mendalami ilmu pengetahuan Islam, seseorang itu hanya dibenarkan mempelajari dan merujuk kepada ketua atau pemimpin dari kalangan mereka atau kalangan mereka yang telah diberi kebenaran sahaja.

(v) Rukun Iman dan Rukun Islam ditafsir mengikut kepentingan ajaran

Memberi tafsiran yang salah dan meragukan terhadap Rukun Iman dan Islam seperti berikut:

Rukun Iman

- | | |
|--------------------------|----------------------------|
| 1. Allah (الله) | - NII |
| 2. Malaikat | - Komandan/Pemimpin |
| 3. Kitab | - Perintah/Arahan NII |
| 4. Rasul | - Kakitangan/mujahid/wakil |
| 5. Qiamat | - Kebangkitan/kemenangan |
| 6. Qada' & Qadar | - Kaedah/harakah/proses |

Rukun Islam

- | | |
|-------------|-----------------------|
| 1. Shahadah | - Binayatul Aqidah |
| 2. Solat | - Binayatul Dzurfiah |
| 3. Puasa | - Binayatul Mas'uliah |
| 4. Zakat | - Binayatul Maliah |
| 5. Haji | - Binayatul Silah |

2. Dari Segi Syariah

- (i) Membuat Pungutan Wang Untuk Menubuh Daulah Islamiah Wilayah Malaya (Malaysia)

Pungutan yang dibuat adalah di atas pelbagai nama seperti *infaq, haraqah ramadhan, harakah korban, wakaf tarbiyah, sedekah operasi, projek mega dan syura ta'lim, wakaf tanah, granite, gromas* serta bayaran untuk lawatan atau berhijrah ke Maahad Al-Zaitun di Indonesia.

- (ii) Solat Ritual dan Actual

Mendakwa solat yang dilakukan lima kali sehari hanyalah rekaan para ulama' sahaja ia disebut sebagai *ritual*. Solat yang sebenar atau disebut juga sebagai *aktual* ialah usaha merekrut ahli baru. Walaubagaimanapun, solat aktual biasanya tidak ditonjolkan sehingga ahli-ahli tersebut telah mencapai tahap-tahap tertentu dalam kumpulan tersebut.

- (iii) Tidak berpuasa

Berpuasa pada bulan Ramadhan adalah tidak diwajibkan cukup sekadar memberi infaq. Manakala puasa sunat dimestikan apabila melakukan dosa atau tidak merekrut ahli baru sebagai satu kifarah.

3. Dari Segi Akhlak

- (i) Membolehkan ahli kumpulan mencuri untuk kepentingan ajaran.

Ahli kumpulan dibolehkan untuk mencuri, termasuk mencuri Al-Quran milik masjid bagi tujuan pengembangan ajaran.

- (ii) Berkata bohong

Sebagai langkah keselamatan, ahli ajaran dibolehkan berbohong dan menipu untuk menyimpan rahsia kepada bukan ahli atau disebut sebagai 'dhifaq'.

Bertarikh 16 Mac 2011

Dated 16 March 2011

[MAIS/SU/BUU/02/016/9-2; P.U.Sel. AGM. 0007. Jld. 3]

Dengan Titah Perintah/*By Command*

DATO' SETIA HAJI MOHD TAMYES BIN ABD WAHID
*Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Selangor/
 Chairman of the Fatwa Committee of Selangor*

Sel. P.U. 18.**ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI SELANGOR) 2003***FATWA DI BAWAH SEKSYEN 47*

MENURUT seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [*En. 1/2003*], Jawatankuasa Fatwa bagi Negeri Selangor, atas perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan menyediakan fatwa yang dinyatakan dalam Jadual dan disiarkan menurut subseksyen 48(6) Enakmen itu.

**ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM
(STATE OF SELANGOR) ENACTMENT 2003***FATWA UNDER SECTION 47*

PURSUANT to section 47 of the Administration of the Religion of Islam (State of Selangor) Enactment 2003 [*En. 1/2003*], the *Fatwa* Committee for the State of Selangor, on the direction of His Royal Highness the Sultan prepare the *Fatwa* as set out in the Schedule and is published pursuant to subsection 48(6) of the Enactment.

*JADUAL/SCHEDULE***HUKUM PENGGUNAAN WANG ZAKAT ASNAB RIQAB BAGI MEREKA YANG
TERBELENGGU DENGAN MASALAH SOSIAL DALAM MENJAMIN AKIDAH
UMAT ISLAM AGAR KEMBALI KE PANGKAL JALAN**

Hukum penggunaan wang zakat asnaf ar-riqab bagi mereka yang terbelenggu dengan masalah sosial dalam menjamin akidah umat Islam agar kembali ke pangkal jalan adalah diharuskan.

Penggunaan wang zakat Asnaf Riqab tersebut adalah berdasarkan mekanisme berikut:

(a) Kriteria

- (i) tiada sumber kewangan yang cukup dan/atau tidak mendapat bantuan daripada sumber-sumber lain; dan
- (ii) seorang yang telah disahkan ingin membebaskan dirinya dari belenggu yang dihadapi.

(b) Konsep Agihan

- (i) pembayaran adalah berasaskan permohonan dan siasatan dan pengesahan;
- (ii) meringankan bebanan;
- (iii) pembayaran hanya kepada individu yang bersedia untuk menjalani pemulihan dan pemantauan yang diaturkan untuk mereka; dan
- (iv) usaha memulihkan akhlak dan akidah.

(c) Jenis Bantuan

- (i) bantuan pemurnian akidah;
- (ii) bantuan pemulihan akhlak; dan
- (iii) tabung pembebasan fi ar-riqab

Bertarikh 16 Mac 2011

Dated 16 March 2011

[MAIS/SU/BUU/02/016/11-3; P.U. Sel. AGM. 0007. Jld. 2]

Dengan Titah Perintah/*By Command*

DATO' SETIA HAJI MOHD TAMYES BIN ABD WAHID
*Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Selangor/
 Chairman of the Fatwa Committee of Selangor*

Sel. P.U. 19.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
 (NEGERI SELANGOR) 2003

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 47

MENURUT seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [*En. 1/2003*], Jawatankuasa Fatwa bagi Negeri Selangor, atas perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan menyediakan fatwa yang dinyatakan dalam Jadual dan disiarkan menurut subseksyen 48(6) Enakmen itu.

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM
 (STATE OF SELANGOR) ENACTMENT 2003

FATWA UNDER SECTION 47

PURSUANT to section 47 of the Administration of the Religion of Islam (State of Selangor) Enactment 2003 [*En. 1/2003*], the *Fatwa* Committee for the State of Selangor, on the direction of His Royal Highness the Sultan prepare the *Fatwa* as set out in the Schedule and is published pursuant to subsection 48(6) of the Enactment.

JADUAL/*SCHEDULE*

HUKUM ZAKAT PELABURAN SAHAM

1. Hukum zakat ke atas saham yang dilaburkan di pasaran modal adalah sama seperti zakat barang perniagaan (Arudh at-Tijarah), tidak kira sama ada tujuan pelaburan saham itu adalah untuk diniagakan (jualbeli) atau untuk disimpan.

2. Keputusan ini diambil berdasarkan dalil dan hujah sebagaimana berikut:

(i) Firman Allah S.W.T.:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَنفِقُوا مِن طَيِّبَاتِ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّا أَخْرَجْنَا لَكُمْ
مِنَ الْأَرْضِ

Bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman! belanjakanlah (zakat) sebahagian hasil usaha kamu yang baik-baik, dan sebahagian dari apa yang kami keluarkan dari bumi untuk kamu”.

(Al-Baqarah: 267)

Mujahid mentafsirkan bahawa yang dimaksudkan dengan ayat ini ialah harta perniagaan. (Sunan Al-Qubra, Al-Baihaqi, hadis No: 7387)

(ii) Hadis dari Samrah:

كان النبي صلى الله عليه وسلم يأمرنا أن نخرج الصدقة من الذي
نعد للبيع

(Sunan Abi Daud)

(iii) Hadis Abi Zar secara Marfu’:

في الإبل صدقتها, وفي الغنم صدقتها, وفي البر صدقته

(Sunan Darqathani)

(iv) Hadis:

ما ورد عن أبي عمرو بن حماس أن أباه قال : مررت بعمر بن الخطاب رضي
الله عنه وعلى عنقي آدمة احملها . فقال عمر : ألا تؤذي زكاتك يا حماس؟
فقلت : يا أمير المؤمنين، ما لي غير هذه التي على ظهري وآهبة في القرض.
فقال : ذاك مال فضع . قال : فوضعتها بين يديه، فحسبها فوجدت قد وجبت
فيها الزكاة، فأخذ منها الزكاة. وفي رواية سفيان وجعفر بن عون قال : كان

حماس يبيع الأدم والجعاب. فقال له عمر : أد زكاة مالك . فقال : إنما مالي
جعاب وآدم. فقال : قومه و أد زكاته.

(v) Hadis:

روى البيهقي من طريق عبيد الله بن عمر عن نافع عن ابن عمر قال : ليس في
العروض زكاة إلا ما كان للتجارة.

(vi) Kaedah Qias

(a) Qias terhadap zakat ternakan, emas, perak dan mata wang

Wang yang dilaburkan untuk membeli saham sama ada yang diniagakan atau disimpan mempunyai ciri-ciri dan sifat yang sama dengan binatang ternakan, emas dan perak serta mata wang. Iaitu harta yang berkembang (An-namiah). Oleh itu, hukum zakat ke atas harta-harta tersebut iaitu diwajibkan ke atas pokok dan hasil atau keuntungan (Arudh at-Tijarah).

(b) Qias terhadap zakat simpanan

Adalah tidak adil jika pemilik wang yang hanya menyimpan wangnya diwajibkan zakat ke atas untungnya dan pokok (modal). Sedangkan pemilik saham yang melaburkan wangnya hanya diwajibkan zakat ke atas keuntungan sahaja, tetapi (modal) terlepas daripada kewajipan zakat.

(vii) Sesungguhnya tujuan dan matlamat seseorang ketika membeli dan memiliki saham adalah satu sahaja, iaitu diniagakan dan mendapat pulangan keuntungan. Tujuan dan niat ini berlaku tidak kira sama ada bagi orang yang membeli saham untuk dijual beli atau hanya mendapatkan keuntungan jangka panjang (dividen). Oleh itu, sangat bertepatan sekiranya setiap saham itu diwajibkan ke atas zakat barang perniagaan (Arudh at-Tijarah).

3. Syarat wajib zakat saham

Saham yang diwajibkan zakat mestilah memiliki syarat-syarat sebagaimana berikut:

(a) Islam

Zakat hanya diwajibkan ke atas pemilik saham yang beragama Islam. Bagi saham yang secara bersama di antara orang Islam dan bukan Islam, zakat diwajibkan ke atas ekuiti atau pemilikan orang Islam sahaja.

(b) Pemilikan sempurna

Zakat diwajibkan ke atas pemilikan saham yang sempurna. Iaitu pemilikan mempunyai kuasa untuk memperlakukan dan memperolehi manfaat harta tanpa memerlukan campur tangan pihak lain. Ia juga bermaksud seseorang itu mempunyai hak monopoli iaitu hak untuk mengawal, mengurus, menyimpan, menggunakan, memberi, menjual dan sebahagiannya atas kehendak sendiri.

(c) Milik pihak tertentu

Berdasarkan syarat ini, zakat tidak diwajibkan ke atas saham yang dimiliki institusi umum seperti masjid, surau dan seumpamanya. Zakat juga tidak diwajibkan ke atas institusi yang mempunyai dana daripada sumber harta umum seperti wakaf, sedekah dan seumpamanya yang tidak mempunyai pemilik.

(d) Mencapai nisab

Menurut pendapat kebanyakan ulama, nisab bagi sesuatu harta zakat adalah jumlah keseluruhan harta zakat yang dimiliki oleh seseorang individu. Ia bermaksud, jika seseorang mempunyai saham yang tidak mencapai nisab, dan mempunyai saham-saham lain yang belum mencapai nisab, tetapi apabila dicampurkan keseluruhannya, maka ia mencapai nisab wajib zakat, maka ia diwajibkan untuk mengeluarkan zakat dari hartanya itu.

(e) Mencukupi haul selama setahun

Menurut para Fuqaha, yang dimaksudkan haul setahun ialah harta yang diwajibkan zakat mestilah kekal syarat-syaratnya seperti nisab selama setahun. Ini adalah pendapat Mazhab Syafie dan Hanbali berdasarkan Hadis Nabi S.A.W.: “Tidak diwajibkan zakat pada sesuatu harta sehinggalah mencukupi haulnya selama setahun”.

Walaupun bagaimanapun, Mazhab Maliki dan sebahagian ulama Syafie berpendapat bahawa nisab hanya diambilkira di hujung haul dan bukan keseluruhannya kerana ia mudah untuk ditaklifkan. Manakala ulama Hanafiah berpendapat, haul disyaratkan pada mana-mana tempoh dalam setahun dan bukan keseluruhannya kerana ia tidak menyusahkan berbanding sekiranya disyaratkan pada tempoh keseluruhannya.

(f) Harta yang halal

Zakat tidak diwajibkan ke atas saham sebagaimana berikut:

- (i) dilaburkan dari sumber harta yang haram; dan
- (ii) dilaburkan kepada syarikat yang menjalankan aktiviti yang bercanggah dengan hukum syarak.

4. Kaedah taksiran zakat

Nilai zakat yang diwajibkan adalah 2.5% daripada nilai saham di hujung haul. Bagi saham yang diniagakan, jumlah keuntungan yang ditunaikan sepanjang tahun hendaklah dicampurkan ke dalam jumlah saham yang diwajibkan zakat.

(nilai pasaran di hujung haul + keuntungan ditunaikan setahun) x 2.5%

Contoh taksiran zakat:

Jadual 1: Pelaburan Saham Encik Ali:

SAHAM	UNIT LOT (1 Lot =1,000 unit)	HARGA PASARAN (RM)	NILAI SAHAM (RM)
A	20	1.00	20,000.00
B	15	1.30	19,500.00
C	30	4.50	135,000.00
D	10	1.50	15,000.00
E	30	2.00	60,000.00
F	15	1.10	16,500.00
JUMLAH KESELURUHAN (RM)			266,000.00

Berdasarkan Jadual di atas, disimpulkan bahawa:

- i. Ali adalah pemilik sempurna bagi saham-saham di atas;
- ii. Pelaburan Ali cukup 1 tahun haul; dan
- iii. Ali memperoleh keuntungan daripada jualbeli saham.

Pengiraan zakat bagi saham adalah sebagaimana berikut:

Jumlah Nilai Saham : RM266,000.00
 Jumlah Keuntungan Saham : RM80,000.00
 Ditunaikan Setahun : RM80,000.00
 Kos Brokeraj : RM10,000.00* (*bergantung kos sebenar yang dibayar*)

Jumlah Wajib Zakat : (Nilai Saham + Keuntungan Setahun) -
 Kos Brokeraj
 = (RM266,000.00 + RM80,000.00) -
 RM10,000.00 = RM336,000.00

Jumlah Zakat : RM336,000.00 x 2.5%
 = RM8,400.00

5. Zakat pemilikan saham dalam syarikat persendirian atau koperasi

Bagi zakat saham wajib dimiliki oleh pihak syarikat persendirian atau Koperasi, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor memutuskan bahawa hukum zakat ke atasnya adalah sebagaimana berikut:

Zakat saham adalah wajib dikeluarkan oleh pihak syarikat berdasarkan hukum khultoh (harta bercampur). Akan tetapi, jika pihak syarikat tidak memberi zakat, maka kewajipan zakat wajib ditunaikan oleh individu.

Senario 1: Syarikat Membayar Zakat

Rujuk kaedah kiraan zakat untuk syarikat yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor pada 26 Mac 2007.

Senario 2: Syarikat Tidak Membayar Zakat

Zakat dikenakan ke atas individu berdasarkan nilai zakat pihak syarikat yang dinisbahkan kepada nilai pegangan individu.

Contoh taksiran:

Harta syarikat/koperasi yang diwajibkan zakat di hujung haul 2008: RM10 juta.

Zakat syarikat: $RM10 \text{ juta} \times 2.5\% = RM250,000.00$

Pegangan saham milik A dalam syarikat/koperasi: 10%

Zakat saham A: $10\% \times 250,000.00 = RM25,000.00$

Bertarikh 16 Mac 2011

Dated 16 March 2011

[MAIS/SU/BUU/02/016/10-1; P.U. Sel. AGM. 0007. Jld. 3]

Dengan Titah Perintah/*By Command*

DATO' SETIA HAJI MOHD TAMYES BIN ABD WAHID
*Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Selangor/
Chairman of the Fatwa Committee of Selangor*

Sel. P.U. 20.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI SELANGOR) 2003

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 47

MENURUT seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [*En. 1/2003*], Jawatankuasa Fatwa bagi Negeri Selangor, atas perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan menyediakan fatwa yang dinyatakan dalam Jadual dan disiarkan menurut subseksyen 48(6) Enakmen itu.

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM
(STATE OF SELANGOR) ENACTMENT 2003

FATWA UNDER SECTION 47

PURSUANT to section 47 of the Administration of the Religion of Islam (State of Selangor) Enactment 2003 [*En. 1/2003*], the *Fatwa* Committee for the State of Selangor, on the direction of His Royal Highness the Sultan prepare the *Fatwa* as set out in the Schedule and is published pursuant to subsection 48(6) of the Enactment.

JADUAL/SCHEDULE

HUKUM PERLAKSANAAN PENYALURAN WANG SYUBHAH
KE BAITULMAL MAIS

- (i) Wang syubhah yang diperolehi boleh dijadikan sumber Baitulmal dan harus dimasukkan ke dalam akaun Baitulmal.
- (ii) Penggunaan wang syubhah harus untuk kegunaan menjalankan operasi perjalanan kerja di Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) seperti pembinaan, penyelenggaraan bangunan, emolumen, pendidikan, pertanian, penyelidikan, perubatan, kemudahan asas seperti pembinaan dewan, tandas, jambatan dan lain-lain lagi untuk kegunaan umum.

Bertarikh 16 Mac 2011

Dated 16 March 2011

[MAIS/SU/BUU/02/016/4-3; P.U. Sel. AGM. 0007 Jld. 3]

Dengan Titah Perintah/*By Command*

DATO' SETIA HAJI MOHD TAMYES BIN ABD WAHID
*Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Selangor/
Chairman of the Fatwa Committee of Selangor*

Sel. P.U. 21.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI SELANGOR) 2003

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 47

MENURUT seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [*En. 1/2003*], Jawatankuasa Fatwa bagi Negeri Selangor, atas perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan menyediakan fatwa yang dinyatakan dalam Jadual dan disiarkan menurut subseksyen 48(6) Enakmen itu.

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM
(STATE OF SELANGOR) ENACTMENT 2003

FATWA UNDER SECTION 47

PURSUANT to section 47 of the Administration of the Religion of Islam (State of Selangor) Enactment 2003 [*En. 1/2003*], the *Fatwa* Committee for the State of Selangor, on the direction of His Royal Highness the Sultan prepare the *Fatwa* as set out in the Schedule and is published pursuant to subsection 48(6) of the Enactment.

JADUAL/SCHEDULE

HUKUM PEGUAM SYARIE BUKAN ISLAM

Orang yang bukan Islam tidak dibenarkan menjadi Peguam Syarie berdasarkan alasan-alasan berikut:

- (1) Peguam Syarie hendaklah beragama Islam dan berkemahiran dalam hukum syarak berdasarkan dari Firman Allah S.W.T melalui Surah An-Nisa' ayat 138-139, maksudnya: "Sampaikanlah khabar berita kepada orang munafik bahawa sesungguhnya disediakan untuk mereka azab yang pedih. (Iaitu) orang yang mengambil orang kafir menjadi teman rapat dengan meninggalkan orang yang beriman. Tidaklah patut mereka (orang munafik) mencari kekuatan dan kemuliaan di sisi orang kafir itu, kerana sesungguhnya kekuatan dan kemuliaan itu semuanya adalah milik Allah (yang diberikan kepada sesiapa yang dikehendakiNya)".

Selain daripada itu, penyelarasan peruntukan ini adalah perlu dengan negeri-negeri yang telah juga mensyaratkan bahawa peguam syarie mestilah beragama Islam seperti Wilayah Persekutuan, Perak, Kelantan, Pahang dan Pulau Pinang;

- (2) Peranan utama Peguam Syarie adalah sebagai pegawai mahkamah di Mahkamah Syariah. Sebagai pegawai mahkamah ia bukan sahaja membantu anakguam, tetapi juga membantu mahkamah dan Hakim Syarie iaitu dalam soal dakwaan, keterangan, bukti, hujah, *qarinah*, ikrar, khidmat nasihat kepada anakguam tentang hukum-hakam Islam dan soal prosiding mahkamah, pendamai (*mediator*), membuat rayuan dan lain-lain. Peguam perlu berhujah dengan dalil-dalil dari sumber hukum syarak iaitu al-Quran dan al-Sunnah, al-Ijmak, al-Qiyas, amalan para sahabat serta pandangan ulama muktabar. Kebanyakan rujukan dalil dan nas terdapat di dalam kitab muktabar yang menggunakan bahasa Arab. Menyerahkan tugas Peguam Syarie ini kepada orang bukan Islam boleh menyebabkan salah tafsiran terhadap hukum syarak serta mengelirukan masyarakat. Sebagaimana Firman Allah S.W.T dalam Surah Ali 'Imran ayat 118, maksudnya: "Wahai orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil orang yang bukan daripada kalangan kamu (seperti orang Yahudi, Nasrani dan munafik) menjadi teman karib (yang dipercayai). Mereka tidak akan berhenti berusaha

mendatangkan kesusahan kepada kamu. Mereka sukakan apa yang menyusahkan kamu. Telah pun nyata (tanda) kebencian mereka pada pertuturan mulut mereka, dan apa yang disembunyikan oleh hati mereka lebih besar lagi. Sesungguhnya kami telah jelaskan kepada kamu ayat-ayat (kami), jika kamu memahaminya (memikirkannya)”; dan

- (3) Untuk menjaga masalahat umat Islam tentang tuntutan dan hak-hak di dalam mahkamah memerlukan kepada peguam yang beragama Islam yang amanah, adil dan bertanggungjawab di dunia mahupun di akhirat.

Bertarikh 16 Mac 2011

Dated 16 March 2011

[MAIS/SU/BUU/02/016/11-5; P.U. Sel. AGM. 0007. Jld. 3]

Dengan Titah Perintah/*By Command*

DATO' SETIA HAJI MOHD TAMYES BIN ABD WAHID
*Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Selangor/
Chairman of the Fatwa Committee of Selangor*

Sel. P.U. 22.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI SELANGOR) 2003

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 47

MENURUT seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [*En. 1/2003*], Jawatankuasa Fatwa bagi Negeri Selangor, atas perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan menyediakan fatwa yang dinyatakan dalam Jadual dan disiarkan menurut subseksyen 48(6) Enakmen itu.

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM (STATE OF SELANGOR) ENACTMENT 2003

FATWA UNDER SECTION 47

PURSUANT to section 47 of the Administration of the Religion of Islam (State of Selangor) Enactment 2003 [*En. 1/2003*], the *Fatwa* Committee for the State of Selangor, on the direction of His Royal Highness the Sultan prepare the *Fatwa* as set out in the Schedule and is published pursuant to subsection 48(6) of the Enactment.

JADUAL/SCHEDULE

HUKUM MENGGUNAKAN BARANGAN YANG MEMPUNYAI LAMBANG AGAMA
LAIN CONTOHNYA SALIB DAN SEUMPAMANYA

“Orang Islam adalah **diharamkan** menggunakan barangan yang mempunyai lambang agama lain seperti salib atau bintang 6 (lambang Yahudi) sekiranya lambang-lambang tersebut dinyatakan secara zahir dan jelas”.

Bertarikh 16 Mac 2011

Dated 16 March 2011

[MAIS/SU/BUU/02/016/2-2; P.U. Sel. AGM. 0007. Jld. 3]

Dengan Titah Perintah/*By Command*

DATO' SETIA HAJI MOHD TAMYES BIN ABD WAHID
*Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Selangor/
Chairman of the Fatwa Committee of Selangor*

Sel. P.U. 23.ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI SELANGOR) 2003*FATWA DI BAWAH SEKSYEN 47*

MENURUT seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [*En. 1/2003*], Jawatankuasa Fatwa bagi Negeri Selangor, atas perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan menyediakan fatwa yang dinyatakan dalam Jadual dan disiarkan menurut subseksyen 48(6) Enakmen itu.

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM
(STATE OF SELANGOR) ENACTMENT 2003*FATWA UNDER SECTION 47*

PURSUANT to section 47 of the Administration of the Religion of Islam (State of Selangor) Enactment 2003 [*En. 1/2003*], the *Fatwa* Committee for the State of Selangor, on the direction of His Royal Highness the Sultan prepare the *Fatwa* as set out in the Schedule and is published pursuant to subsection 48(6) of the Enactment.

JADUAL/SCHEDULE

HUKUM MENTERNAK DAN MENJUAL LINTAH DAN CACING UNTUK
TUJUAN PERUBATAN DAN KOSMETIK

- (1) Menurut urf, lintah dan cacing merupakan haiwan yang tidak halal dimakan kerana termasuk dalam kategori haiwan *al-khabaith* (jijik);
- (2) Hukum berjual beli atas dasar manfaat yang diperoleh daripada kedua-dua haiwan tersebut adalah **harus** di sisi Syara'; dan
- (3) Menggunakan lintah dan cacing sebagai salah satu kaedah perubatan dan bahan kosmetik adalah **harus**.

Bertarikh 16 Mac 2011

Dated 16 March 2011

[MAIS/SU/BUU/02/016/2-3; P.U. Sel. AGM. 0007. Jld. 3]

Dengan Titah Perintah/*By Command*

DATO' SETIA HAJI MOHD TAMYES BIN ABD WAHID
*Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Selangor/
Chairman of the Fatwa Committee of Selangor*

Sel. P.U. 24.ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI SELANGOR) 2003*FATWA DI BAWAH SEKSYEN 47*

MENURUT seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [*En. 1/2003*], Jawatankuasa Fatwa bagi Negeri Selangor, atas perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan menyediakan fatwa yang dinyatakan dalam Jadual dan disiarkan menurut subseksyen 48(6) Enakmen itu.

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM
(STATE OF SELANGOR) ENACTMENT 2003*FATWA UNDER SECTION 47*

PURSUANT to section 47 of the Administration of the Religion of Islam (State of Selangor) Enactment 2003 [*En. 1/2003*], the Fatwa Committee for the State of Selangor, on the direction of His Royal Highness the Sultan prepare the *Fatwa* as set out in the Schedule and is published pursuant to subsection 48(6) of the Enactment.

JADUAL/SCHEDULE

HUKUM PERLAKSANAAN PENGURUSAN DAN PELUPUSAN HARTA LUQATAH
YANG DISIMPAN OLEH MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

Perlaksanaan pengurusan dan pelupusan Harta Luqatah adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:

- (i) Setiap Harta Luqatah yang diterima hendaklah dilaksanakan proses hebahkan selama satu tahun. Sekiranya telah tamat tempoh selama satu tahun, maka bolehlah melupuskan Harta Luqatah tersebut secara lelongan dan hasil dari lelongan itu dimasukkan ke dalam Baitulmal;
- (ii) Harta Luqatah yang tidak mendatangkan manfaat hendaklah disimpan di tempat yang selamat;
- (iii) Sekiranya Harta Luqatah tersebut sama ada masih kekal atau telah dilelong atau telah dicairkan, pemiliknya berhak menuntut walau pun telah tamat tempoh hebahkannya. Pihak Majlis Agama Islam Selangor hendaklah memulangkan semula sekiranya harta tersebut masih ada atau nilai barang (mengikut nilai semasa) jika telah dilelong atau dicairkan;
- (iv) Pemungut atau pemegang amanah Harta Luqatah harus mengenakan caj perkhidmatan yang munasabah kepada pemilik Harta Luqatah tersebut sekiranya pemilik hadir untuk memungut harta;
- (v) Harta Luqatah tersebut harus diserahkan kepada Baitulmal sebagai pemegang amanah. Adalah menjadi kewajipan menyerah kepada Baitulmal apabila tiada individu atau agensi yang sanggup menjadi pemegang amanah; dan
- (vi) Harta Luqatah tersebut menjadi milik sepenuhnya kepada pemegang amanah atau pemungut untuk memanfaatkan kepada perkara yang tidak bercangah dengan syarak dan ada kemaslahatan kepada umat Islam.

Bertarikh 16 Mac 2011

Dated 16 March 2011

[MAIS/SU/BUU/02/016/4-4; P.U. Sel. AGM. 0007. Jld. 3]

Dengan Titah Perintah/*By Command*

DATO' SETIA HAJI MOHD TAMYES BIN ABD WAHID
*Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Selangor/
Chairman of the Fatwa Committee of Selangor*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA